

13 NOV 1999
Gerakan-Calon
GERAKAN UMUM NAMA CALON RABU DEPAN

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Parti Gerakan akan mengumumkan senarai penuh calonnya yang akan bertanding untuk pilihan raya umum kali ini, pada Rabu depan.

Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan mengemukakan senarai calon parti itu kepada Dr Mahathir sehari sebelum itu.

"Senarai (calon) akan dikeluarkan kepada media pada hari Rabu dan semua calon akan dipanggil pada masa itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat parti, di sini, hari ini.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah timbalan presiden Datuk Kerk Choo Ting, naib presiden Tan Sri Koh Tsu Koon dan setiausaha agungnya Chiang Kwang Chye serta pemimpin tertinggi parti.

Katanya, mesyuarat parti hari ini telah memutuskan untuk mencalonkan 50 peratus calon kerusi parlimen dan 30 peratus kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), terdiri daripada muka baru.

Langkah itu selaras dengan prinsip parti untuk memberi ruang kepada calon baru serta membuktikan parti berusaha menyediakan pemimpin muda untuk menghadapi cabaran politik pada alaf baru, katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut ketika ditanya mengenai kemungkinan terdapat pemimpin tertinggi parti yang tidak akan disenaraikan sebagai calon.

Lim berkata, mesyuarat itu juga memutuskan untuk tidak menerima tawaran bertukar kerusi dengan parti-parti komponen BN yang lain.

Mesyuarat parti-parti komponen BN baru-baru ini telah memperuntukkan 10 kerusi Parlimen dan 27 DUN kepada Gerakan.

Beliau merujuk kepada beberapa laporan akhbar sebelum ini mengenai usaha parti komponen BN yang mahu bertukar kerusi dengan Gerakan.

-- BERNAMA

RZS zb